

Umno ulangi tidak akan memasuki Sarawak

BH 1 6 JUL 2000

KUCHING: Umno tidak akan menerima penyertaan pihak yang mendakwa kononnya berjuang untuk kepentingan parti itu di Sarawak, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Presiden Umno itu mengulangi pendirian bahawa Umno tidak akan memasuki Sarawak sekali gus tidak ada pihak yang boleh membuat janji bahawa mereka akan diterima menyertai parti berkenaan.

"Kita tidak akan menerima mereka (pihak yang membuat dakwaan kononnya akan diterima masuk menyertai parti itu). Umno tak nak datang ke Sarawak.

"Tidak ada pihak yang boleh

membuat janji bahawa mereka akan diterima masuk, kerana kita tidak akan menerima mereka," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Barisan Nasional (BN) Sarawak, di Kuching Hilton di sini, semalam.

Mesyuarat itu dihadiri semua pemimpin parti komponen BN negeri yang merangkumi empat parti iaitu Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Kebangsaan Sarawak (Snap), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

PBB diwakili oleh Presiden, yang juga Pengerusi BN negeri dan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud; Snap diwa-

kili Presidennya, Datuk Amar James Wong Kim Min; Supp oleh Presidennya, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam; manakala PBDS diwakili oleh Timbalan Presiden, Datuk Daniel Tajem.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya sama ada Umno akan menerima penyertaan pihak yang kini aktif membuat dakwaan bahawa mereka akan memasuki Umno, sekiranya menang dalam pilihan raya negeri akan datang.

Isu kemasukan Umno ke Sarawak masih lagi diperbualkan sungguh pun Umno Pusat, khususnya Dr Mahathir berulang kali menyatakan pendirian parti

itu tidak akan mengembangkan sayapnya ke negeri ini.

Mengenai mesyuarat itu, Dr Mahathir berkata, beliau mengulangi penjelasan mengenai konsep BN iaitu kerjasama dan kepelbagaian parti dalam BN yang mana ia begitu berjaya.

"Kita mesti meneruskan konsep ini, kerana ia baik untuk negara. Selain itu, saya turut menjelaskan mengenai apa yang berlaku di Sauk (Perak) dan kedudukan ekonomi negara," katanya.

Ditanya sama ada mesyuarat membincangkan soal pilihan raya negeri, Dr Mahathir berkata, perkara itu tidak ditimbulkan.